

► Membaca

Baca petikan dengan telitinya. Kemudian, berikan pendapat anda tentang idea yang disampaikan dengan mengisi tempat kosong di bawah ini. **SP 2.4.1**

Bahan 1

Cameron Highlands ialah destinasi pelancongan yang terkenal dengan suasana nyaman dan cuaca yang sejuk. Lokasi ini menarik minat pelancong kerana menawarkan pelbagai aktiviti seperti melawat ladang teh, memetik buah strawberi, dan sebagainya. Keindahan pemandangan di kawasan ini menjadikannya lokasi yang sesuai untuk mereka yang ingin merakam gambar sebagai kenang-kenangan. Cameron Highlands juga menyediakan banyak penginapan menarik seperti hotel mewah dan rumah inap desa. Cameron Highlands amat sesuai untuk mereka yang ingin menikmati suasana alam semula jadi.

Bahan 2

Bukit Fraser merupakan kawasan pelancongan yang menarik kerana suhunya yang sejuk. Terletak jauh dari kesibukan kota, Bukit Fraser menawarkan suasana tenang dan damai. Lokasi pelancongan ini amat sesuai untuk pelancong yang ingin merehatkan minda. Antara tarikan utama di sini ialah pelancong berpeluang untuk menunggang kuda di kawasan peranginan. Peminat sejarah pula akan tertarik dengan seni bina bangunan yang unik di kawasan ini. Bukit Fraser turut menawarkan pelbagai jenis penginapan, iaitu daripada rumah tamu yang sederhana hinggalah ke vila yang mewah.

Pada pendapat saya, kedua-dua kawasan pelancongan tanah tinggi, iaitu Cameron Highlands dan Bukit Fraser menawarkan pengalaman percutian yang menarik. Kedua-dua tempat ini mempunyai (1) _____

_____. Antara aktiviti menarik yang boleh dilakukan di Cameron Highlands adalah seperti (2) _____

_____. Di samping itu, jika kita melancong ke Bukit Fraser kita dapat melihat (3) _____

_____ dan berpeluang untuk menunggang (4) _____

Sebagai kesimpulan, kedua-dua destinasi ini merupakan pilihan yang tepat bagi mereka yang ingin merehatkan minda.

Info Ekstra

Tempat Peranginan yang Sejuk dan Nyaman

- Genting Highlands yang terkenal dengan taman tema dan pemandangan kabus yang memukau.
- Janda Baik di Pahang menawarkan suasana desa yang tenang dengan aktiviti seperti berkhemah dan mandi sungai.
- Di Sebah, Kundasang, terkenal dengan pemandangan indah Gunung Kinabalu serta ladang tenusu yang memberikan pengalaman ala New Zealand.

Faedah Melancong

- Merehatkan minda dan fizikal
- Menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman
- Mengertikan hubungan kekeluargaan
- Memajukan industri pelancongan negara
- Menjajutkan ekonomi negara